

Terma dan Syarat untuk Kempen 'Click, Pick, Protect: Buy & Win! TripCare 360 Insurance Platinum'

1. Kempen 'Click, Pick, Protect: Buy & Win! TripCare 360 Insurance Platinum' ("Kempen") dianjurkan oleh Etiqa General Insurance Berhad ("Penganjur" atau "Etiqa") dan akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan atau Peserta yang Layak:
 - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - (b) bersetuju bahawa setiap penghantaran yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - (c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Etiqa berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan atau Peserta yang Layak. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - (d) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
 - (e) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
 - (f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
 - (g) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Pelaksanaan Kempen:

3. Kempen ini akan bermula pada 17 November 2025 pada jam 12:00 AM MYT dan berakhir pada 20 Mac 2026 pada jam 11:59 PM MYT ("Tempoh Kempen"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk menerima Hadiah.

4. Kempen ini terdiri daripada EMPAT (4) Pusingan yang akan berlangsung mengikut tarikh-tarikh berikut:

Pusingan 1: 17 November 2025 pada 12:00 AM MYT hingga 20 Disember 2025 pada 11:59 PM MYT.

Pusingan 2: 21 Disember 2025 pada 12:00 AM MYT hingga 24 Januari 2026 pada 11:59 PM MYT.

Pusingan 3: 25 Januari 2026 pada 12:00 AM MYT hingga 28 Februari 2026 pada 11:59 PM MYT.

Pusingan 4: 1 Mac 2026 pada 12:00 AM MYT hingga 20 Mac 2026 pada 11:59 PM MYT.

5. Peserta atau Pelanggan yang Layak perlu mematuhi Langkah-langkah Kempen berikut agar penyertaannya dianggap layak dan memenuhi syarat:
 - Beli pelan Etiqa TripCare 360 Insurance Platinum dalam Tempoh Kempen di etiqa.com.my
6. Peserta hanya boleh memenangi satu (1) baucar sepanjang Tempoh Kempen.
7. Dalam setiap Pusingan, SATU RATUS LIMA PULUH (150) Pelanggan atau Peserta yang Layak akan dipilih sebagai Pemenang secara rawak menggunakan alat pemilihan rawak.
8. Pada akhir Tempoh Kempen, ENAM RATUS (600) Pemenang yang akan dipilih.

Kelayakan:

9. Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.
10. "Pelanggan atau Peserta yang Layak" merujuk kepada pelanggan atau peserta yang membeli plan TripCare 360 Insurance Platinum dengan dua (2) tambahan minimum sepanjang Tempoh Kempen.
11. Pelanggan atau Peserta yang Layak tanpa butiran peribadi yang sah seperti Nama, Nombor Kad Pengenalan, Alamat E-mel dan Nombor Telefon akan dikecualikan secara automatik daripada menerima ganjaran e-baucar membeli belah dan hadiah mega cabutan bertuah.
12. Ahli Jawatankuasa Penganjuran Kempen ini dan Panel Juri, termasuk ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Hadiah:

13. Pemenang untuk setiap Pusingan akan menerima hadiah berikut:

RM50 Baucar Shopee

- Baucar tersebut hanya sah untuk 6 bulan untuk pengguna baharu & sedia ada.
 - Baucar tersebut hanya boleh diguna sekali.
 - Baucar tersebut terpakai untuk Mall & Penjual Pilihan Sahaja
 - Baucar tersebut tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
 - Baucar ini tidak boleh digabungkan dengan promosi lain kecuali Baucar Penjual.
 - Baucar ini tidak boleh digunakan untuk Formula Bayi, Makanan & Suplemen, Lampin & Tandas Latihan, Barang Kemas, Tiket & Baucar, Isian Semula Telefon & Kad SIM, Tambahan Kredit, Produk S-Mart Milo, Produk Kedai One or Not by Shopee, Produk Kedai MMA Foundation, Kad Hadiah & E-Baucar.
 - Kod promosi mesti dimasukkan di halaman pembayaran dalam Aplikasi Mudah Alih Shopee sahaja.
 - Shopee berhak untuk mengubah/membatalkan promosi pada bila-bila masa. Untuk pertanyaan atau bantuan, sila hubungi Khidmat Pelanggan Shopee di +603 2777 9222.
14. Pemenang akan dihubungi menerusi e-mel dalam tempoh dua (2) bulan selepas setiap cabutan.
 15. Pemenang adalah bertanggungjawab atas semua cukai yang dikenakan ke atas Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).

16. Hadiah hanya akan dihantarkan kepada Pemenang sekali sahaja. Jika Pemenang gagal untuk menerima Hadiah, tiada sebarang gantian atau pampasan yang akan diberikan, dan permintaan untuk mengambil Hadiah tidak akan dilayan.
17. Ganjaran yang diberikan tidak bertujuan sebagai variasi pada terma dan syarat sijil yang dikeluarkan, yang tertakluk pada peraturan pemprosesan atau penajajaminan standard Syarikat.
18. Hadiah tertakluk pada terma dan syarat pembekal baucar individu.
19. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
20. Sebarang pertanyaan boleh dibuat di info@etiq.com.my dan 1-300-13-8888

Notis Privasi Etika

21. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan atau Peserta yang Layak bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Etika selaras dengan Notis Privasi Etika yang dapat dilihat di www.etiq.com.my ("Notis Privasi").
22. Di samping itu, tanpa menjejaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etika, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Pelanggan atau Peserta yang Layak untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Pelanggan atau Peserta yang Layak bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Etika untuk:
 - (a) tujuan-tujuan Kempen ini; dan
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Etika di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Pelanggan atau Peserta yang Layak. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Pelanggan atau Peserta yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Etika yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.

23. Etika berhak untuk:

- (a) mengikut budi bicara mutlaknya untuk tidak melayakkan dan/atau menolak mana-mana Pelanggan atau Peserta yang tidak Layak daripada menyertai Kempen ini;
 - (b) menarik/membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian, dan/atau menukar, meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di www.etiqa.com.my atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.
24. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan atau Peserta yang Layak yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan, atau reputasi baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen dan/atau penggunaan Hadiah. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Etiqa.
25. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). I Ahli PIDM
26. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Pelanggan atau Peserta yang Layak bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.